

SOALAN NO. 261

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan penyelesaian menangani masalah kebanjiran pengemis warga asing dan langkah membanteras sindiket yang mendalangi kegiatan itu khususnya pengemis kanak-kanak dan pengemis cacat anggota badan di negara ini.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan perkhidmatan untuk menyelamat dan memulihkan pengemis.

Bagi menangani isu pengemisan KPWKM mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi (*multi-sectoral*) bagi memastikan aktiviti pengemisan sama ada melibatkan orang dewasa, kanak-kanak, orang kurang upaya, warganegara atau warga asing dapat ditangani secara berkesan. Antara tindakan berterusan yang diambil adalah:

- (1) Menjalankan operasi berjadual, *ad-hoc* dan bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Polis, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, dan RELA untuk menyelamatkan pengemis.

Setiap agensi penguatkuasaan akan bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.

- (2) Menjalankan aktiviti pemantauan berkala di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan aktiviti pengemisan seperti pusat membeli-belah, restoran, pasar sehari, pasar malam, kaki lima bank dan bangunan perniagaan.
- (3) Melaksanakan program advokasi dan kesedaran awam mendidik masyarakat dan meningkatkan kesedaran awam untuk tidak mengalakkan akitiviti pengemisan melalui program-program advokasi dengan mengedarkan poster, bunting, risalah dan sebagainya. KPWKM melalui JKM telah melancarkan program advokasi bertemakan "Bijak Membantu, Elak Ditipu" pada 26 Febuari 2016.

JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Bagi Menangani Isu Pengemisan di peringkat nasional negeri dan daerah. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras program serta merangka tindakan bersepadau antara agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan.

Pada tahun 2015 sebanyak 1,921 operasi telah diadakan secara Bersepadu (pelbagai agensi), Berjadual dan Ad-hoc/Aduan telah dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Seramai 1,527 pengemis telah diselamatkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,115 pengemis tempatan dan 412 adalah pengemis warganegara asing. Bagi pengemis bukan warganegara ini, mereka akan diserahkan kepada pihak polis dan Jabatan Imigresen untuk tindakan undang-undang.

Semasa operasi menyelamatkan pengemis dijalankan, jika kes pengemisan melibatkan orang dewasa, ia akan dikendalikan mengikut peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 dan jika didapati kanak-kanak dilibatkan atau dieksplotasi, kanak-kanak tersebut akan diberi perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

SOALAN (262)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status mewartakan 466.86 ekar kawasan Bukit Kiara di Taman Tun Dr Ismail sebagai taman awam persekutuan dan apakah cadangan untuk memajukan atau pembangunan di kawasan sekelilingnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pewartaan kawasan seluas 390 ekar di Bukit Kiara sebagai Taman Persekutuan sedang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tanah berkaitan iaitu Jabatan Ketua Pengarah, Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan dijangka selesai pada tahun 2017.

Cadangan pembinaan di kawasan sekeliling Taman Persekutuan Bukit Kiara (TPBK) adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tertakluk kepada kelulusan pembangunan oleh agensi tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016